

02 NOV 2000

MASA MENCUKUPI UNTUK RANGKA STRUKTUR PUTERI UMNO, KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini berkata pergerakan itu mempunyai masa yang mencukupi untuk merangka struktur Puteri Umno kerana perlembagaan pergerakan baru itu akan hanya berkuatkuasa selepas Jun tahun depan.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Kelab Industri Kimia Asean ke-30 di sini hari ini, beliau berkata Wanita Umno mempunyai masa selama sembilan bulan dari sekarang untuk menyelesaikan urusan struktur Puteri Umno.

Isnin lepas, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata perlembagaan Umno perlu dipinda untuk membolehkan Puteri Umno ditubuhkan.

Rafidah berkata Wanita Umno tidak menghalang penubuhan Puteri Umno sebagai sebuah entiti yang berasingan asalkan struktur yang dibuat itu tidak menjejaskan Umno sebagai sebuah parti.

"Kita nak tengok bahawa strukturnya dibuat dengan sesempurna yang mungkin supaya tidak menjejaskan Umno," katanya.

-- BERNAMA

RIZ GM MAI